

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN RMAF FIRE COMMAND EXERCISE SIRI 1/17

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2458-majlis-perasmian-pembukaan-rmaf-fire-command-exercise-siri-1-17

KUANTAN, 25 Sep 17 – Majlis Perasmian Pembukaan *RMAF Fire Command Exercise Siri 1/17* (RMAF FCX 1/17) telah berlangsung di Auditorium Sekolah Bomba dan Menyelamat INSPRA yang disempurnakan oleh Komander Pangkalan Udara Kuantan, YBhg Brig Jen Noor Mohamad Akmar bin Mohd Dom TUDM.



Eksesais yang julung-julung kali dianjurkan oleh Perkhidmatan Bomba dan Menyelamat TUDM bakal menjadi satu lagi platform yang signifikan bagi Perkhidmatan Bomba dan Menyelamat TUDM untuk mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme pegawai dan anggotanya seiringan dengan matlamat Pelan Transformasi *Airforce Next Generation* yang telah digariskan.



RMAF FCX 1/17 bermula hari ini dan akan berakhir pada 29 Sep 17. Eksesais ini mengandungi tiga segmen iaitu sesi *Allbrains*, sesi *Table-Top Exercise* (TTX) dan sesi *Command and Control Exercise* (CCX) yang mensasarkan peningkatan kemahiran Pegawai Bomba dan Pegawai Waran Bomba berkaitan *Incident Command System*, *Incident Risk Management*, *Emergency Response and Preparedness* dan *Fire Incident Commander*.



Komander Pangkalan Udara Kuantan di dalam ucapan perasmianya melahirkan keyakinan beliau bahawa pelaksanaan eksesais sebegini adalah amat relevan dan bertepatan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Pegawai dan Pegawai Waran Bomba di dalam menghadapi setiap kejadian kecemasan pesawat mahupun kebakaran domestik di setiap pangkalan dan unit masing-masing. Beliau juga berharap agar anggota Bomba TUDM yang beliau gelarkan *The Unsung Heroes* terus maju jaya dan ikhlas dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada TUDM pada masa akan datang.



